

Pemandu mabuk sebabkan kematian penunggang motosikal dipenjarakan 10 tahun dan denda RM50,000

BINTANGOR: Seorang lelaki dihukum penjara 10 tahun dan denda RM50,000 oleh Mahkamah Majistret Sarikei, semalam selepas mengaku bersalah memandu pikap di bawah pengaruh alkohol sehingga menyebabkan kematian seorang penunggang motosikal dalam kemalangan di Batu 4, Jalan Lasi, Bintangor pada Mei lalu.

Ketua Polis Daerah (KPD) Meradong DSP Tansli Mering berkata, Sumping Judi, 57, dijatuhi hukuman itu selepas mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan di hadapan Majistret Stella Augustine Druce.

Menurutnya, mahkamah turut menetapkan hukuman penjara tambahan 12 bulan sekiranya tertuduh gagal membayar denda berkenaan.

“Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Azeem Mohd Ridzo, manakala siasatan dijalankan pegawai penyiasat Inspektor Mohd Za-

inal Abdul Ghafar dari Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, Ibu Pejabat Polis Daerah Meradong,” katanya dalam kenyataan semalam.

Tansli berkata, kemalangan berlaku pada 5 Mei 2026 kira-kira jam 5.10 petang ketika tertuduh memandu pikap dari arah Jalan Lasi menuju Jalan KJD.

“Tertuduh dipercayai hilang kawalan ketika melalui satu selekoh sebelum memasuki laluan bertentangan dan melanggar motosikal yang ditunggangi mangsa.

“Akibat pelanggaran, kedua-dua kenderaan terbabas ke bahu kanan jalan, manakala mangsa tercampak ke bahu jalan dan mengalami kecederaan,” katanya.

Mangsa kemudiannya dikejarkan ke Poliklinik Julau untuk mendapatkan rawatan, namun disahkan meninggal dunia pada jam 7.42 malam ketika tiba di Unit Kecemasan.

Tambah beliau, hasil laporan kimia mendapati sampel darah mangsa tidak mengandungi etil alkohol, manakala sampel darah tertuduh merekodkan kandungan etil alkohol sebanyak 127 miligram bagi setiap 100 mililiter darah, melebihi had yang ditetapkan.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 44(1)(b) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2020).

Tansli menegaskan, pihak polis akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah kerana perbuatan itu bukan sahaja membahayakan diri sendiri, malah mengancam nyawa pengguna jalan raya lain.

“Orang ramai dinasihatkan supaya tidak memandu sekiranya berada di bawah pengaruh alkohol dan sentiasa mematuhi peraturan serta undang-undang jalan raya demi keselamatan semua pengguna,” katanya lagi.